

KAJIAN TERHADAP SAIZ ENDAPAN BUTIRAN DAN ARAH
PERGERAKAN ENDAPAN
DI PANTAI SABAK DAN PANTAI SENOK, KELANTAN

MOHD ZUWAIRI B. AHMAD NAWAWI

FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
2003

1100024853

LP 21 FST 7 2003



1100024853

Kajian terhadap saiz endapan butiran dan arah pergerakan
endapan di pantai Sabak dan pantai Senok, Kelantan / Mohd
Zuwairi b. Idris @ Ahmad Nawawi.



1100024853

PERPUSTAKAAN KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)			
Pengerang <i>Mohd Zuwairi</i>		No. Panggilan <i>LP 20</i>	
Judul <i>KAJIAN TERHADAP SAIZ ENDAPAN BUTIRAN DAN ARAH PERGERAKAN ENDAPAN DI PANTAI SABAK DAN PANTAI SENOK, KELANTAN</i>		Tahun <i>2003</i>	
Tarikh	Waktu Pemulangan	Nombor Ahli	Tanda tangan
<i>20/10/03</i>	<i>10.00 am</i>	<i>11115921</i>	<i>XL</i>

30/3/00

**KAJIAN TERHADAP SAIZ ENDAPAN BUTIRAN DAN ARAH
PERGERAKAN ENDAPAN DI PANTAI SABAK DAN PANTAI SENOK,
KELANTAN**

Oleh

MOHD ZUWAIRI B. IDRIS @ AHMAD NAWAWI

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan untuk
mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Samudera)**

**FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA**

1100024853

KAJIAN TERHADAP SAIZ ENDAPAN BUTIRAN DAN ARAH
PERGERAKAN ENDAPAN DI PANTAI SABAK DAN PANTAI SENOK,
KELANTAN

Oleh

MOHD ZUWAIRI B. IDRIS @ AHMAD NAWAWI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan untuk
mendapatkan ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Samudera)

Laporan projek ini hendaklah dirujuk sebagai:

Zuwairi, A.N. 2003. Kajian terhadap saiz endapan butiran dan arah pergerakan endapan di Pantai Sabak dan Pantai Senok, Kelantan. Laporan Projek, Sarjana Muda Sains (Sains Samudera), Fakulti Sains dan Teknologi, Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia. 98 p.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian dan kandungan laporan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin secara bertulis daripada penulis atau Penyelia Utama penulis tersebut.

10
2
18
7
2003

***Khas untuk arwah ayahanda yang diingati selalu...
Segala penat lelah ini ditujukan khas buat mu....***

***HJ. AHMAD NAWAWI HJ. ABDULLAH
1938 - 1996***

Al - Fatihah

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurniaNya dan segala anugerahNya dapatlah saya menyiapkan projek ini dengan seadanya. Berkat doa serta semangat daripada ibunda yang dikasihi Hjh. Wan Eshah bt. Wan Othman, kekanda semua; Nasharuddin, Nazmin dan Rosalina yang tidak pernah putus menghulurkan bantuan dan sokongan dalam pelbagai aspek. Tidak lupa juga kepada insan yang teristimewa Farahiza binti Razali. Terima kasih di atas segalanya.

Setinggi penghargaan dan penghormatan ditujukan khas kepada Dr. Rosnan Yaacob selaku penyelia utama dan Dr. Kamaruzzaman Yunus yang banyak membantu dan memberi segala tunjuk ajar dan cadangan dalam menyiapkan projek ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak makmal; En. Suliman, En. Kamari, En. Kamarun dan Y.M Raja serta kakitangan FST dan Netloft terutama sekali En. Manan, En. Wan Awang, En. Marzuki, En. Adnan dan juga En. Kassim di atas segala bantuan dan kemudahan yang dihulurkan. Tidak ketinggalan juga Hazamri dan Azam yang sudi memberi sedikit tunjuk ajar dan berkongsi pengalaman dalam menyiapkan projek ini.

Khusus buat 'housemate' yang sudah menjadi seperti keluarga sendiri sejak lima tahun lalu; Radhi, Taufik, Faisal, Azlim, Sabri dan adik Zulhilmi serta 'coursemate' ; Hakim, Azli dan Fahamy. Terima kasih kerana sudi memahami diri ini dan segala jasa kalian akan ku kenang hingga ke akhir hayat. Semoga Allah membalas segala pertolongan dan budi baik kalian semua. Amin. Wassalam.

ABSTRAK

Kajian terhadap saiz endapan butiran dan arah pergerakan endapan telah dilakukan di sepanjang pesisir pantai Sabak dan pantai Senok yang terdapat binaan pemecah ombak di antara dua lokasi tersebut. Penyampelan dan pengumpulan data telah dibuat setiap dua bulan dari Mei 2002 hingga Disember 2002. Kajian itu dijalankan untuk mengkaji ciri endapan dan taburannya serta kaitannya dengan kecerunan pantai. Di samping itu arah pergerakan endapan dapat dikenalpasti di pesisir pantai lokasi tersebut. Sampel diambil dari lapan stesen yang merangkumi tiga zon litoral iaitu air pasang tertinggi, air pasang pertengahan dan air pasang terendah. Daripada kajian ini corak taburan endapan didapati jenis sederhana kasar, bersisihan sederhana sempurna dan berkepencongan sangat negatif di kebanyakan stesen. Kurtosis pula tidak menunjukkan perubahan yang ketara di mana kurtosis paling leptokurtik adalah dominan pada kebanyakan stesen kajian. Profil pantai menunjukkan hampir kesemua stesen adalah terhakis terutama di bulan Disember walaupun darjah kecerunannya berkurangan. Kajian ini juga menunjukkan adanya daya luar yang bertindak iaitu kelajuan angin, arah angin, arus pasang surut dan tindakan ombak di sepanjang pesisir pantai lokasi dan telah membentuk arah gerakan endapan di lokasi kajian.

ABSTRACT

Study on grain size distribution and net shore drift was conducted along the coastline of Sabak and Senok where a structure of breakwater was build years ago between the two locations. Sampling and data collection were done in every two months starting from June 2002 till December 2002. This study was conducted to determine the characteristics of the sediment and its distribution and also the relation with beach profile. Furthermore, the net shore drift pattern can be recognized and identified along the coastline. Sediment sampling were carried out at eight stations which include three littoral zone; high tide, mid tide and low tide. The sediment distribution was found to be moderately coarse, moderately sorted and negatively skewed in most of the station. There is not much variation showed by kurtosis where extremely leptokurtic are the domain in most of the station. The study shows that the beach profile in most of the station were eroded in the month of December although the degree of the slope decreases. This study also indicates the influence of the force such as wind speed, wind direction, tidal current and wave action along the coastline that have resulted and formed the net shore drift pattern at the study location.